

"Tapi kalau orang itu betul-betul tabah, insya-Allah mereka akan dapat," sambung Haji Ismail.

Silat Sendeng Asli Pahang mula dibawa oleh Cik Wan Cik di Kuala Tembeling. Dari situ ia terus berkembang hinggalah kepada anak Datuk Bahaman iaitu Chegu Jantan. "Chegu Jantanlah guru saya," tekan Haji Ismail.

Silat Sendeng Asli yang punya sebab tersendiri kenapa keaslian silat ini tidak diubah atau dimoden-modenkan. Bila ditanya kenapa, dengan tegas Haji Ismail menyatakan: "Gerak atau langkah di dalam Silat Sendeng itu, walaupun nampaknya penuh dengan lemah lembut, iaitu asli, tapi di dalam lemah lembut itu telah terhimpun atau telah mencakupi 'isinya yang padu'. Contohnya 'ap' di dalam belebat itu telah membawa maksud yang tersendiri."

Kelihatan Haji Ismail agak berat untuk menyatakan pengertian 'ap' di dalam belebat itu, tapi akhirnya ia menyatakan 'ap' itu membawa pengertian 'patah atau pecah'.

Dari pendekatan yang dilakukan oleh pencipta silat ini, jelas menampakkan bahawa pengkhususan yang amat terperinci diterapkan di dalam setiap langkah atau gerak. Antaranya seperti melepaskan penumbuk yang dinamakan 'kijang mendaki bukit'. Tapi Haji Ismail tidak mahu menghuraikan selanjutnya pengertian itu.

"Cukup saya katakan, setiap tapak yang melangkah, setiap bunga yang dicipta, dan setiap gerak yang digayakan di dalam Silat Sendeng ini mempunyai makna yang tersendiri. Tapi kalau setakat belajar sebulan dua, pastinya saya tidak beritahu. Kerana takut penyalahgunaan ilmu itu sendiri," kata Haji Ismail.

### Mencari pengaruh

Jika generasi sekarang mengamalkan apa yang dua beradik di atas lakukan, insya-Allah mereka akan selamat dunia dan akhirat. Tiga aspek di atas adalah dituntut di dalam kehidupan harian. Dari benih itu akan menambahkan budaya Melayu yang sekaligus dapat menerapkan ketahanan nasional.

Memperkatakan seni silat kurang mendapat sambutan ramai di masa kini, Haji Ismail berpendapat "setengah silat meletakkan silatnya seperti barang dagangan. Jadi apabila barang itu senang didapat atau dijumpa maka nilainya sudah tidak ada lagi. Semuanya ini dilakukan oleh mereka yang mencari pengaruh, bagi kepentingan diri.

Mereka sanggup membuat publisiti tanpa memikirkan maruah silat itu sendiri."

Tok Pendekar, pendekar dan guru adalah istilah yang digunakan di dalam silat sendeng. Tok Pendekar adalah peringkat tertinggi dan Guru peringkat terbawah. Menyentuh sekumpulan silat yang menamakan gurunya dengan 'maha guru', Haji Ismail dengan tenang menyatakan.

"Dalam silat sendeng tak ada nama maha guru. Sebab pengkaji atau pencipta silat ini tahu bahawa MAHA itu adalah milik Tuhan. Iaitu Maha Tinggi, Maha Kuasa, Maha segala-galanya. Untuk itu kepada generasi baru, fikir dengan mendalam dan teliti sebelum menimba apa-apa ilmu. Jangan kita ditipu oleh orang-orang yang mengambil kesempatan. Kalau nak mendapatkan 'sarjana' kena belajar berpuluh tahun, tak kan nak dapatkan ilmu kebal dalam masa dua tiga hari atau dua tiga bulan."

Dengan optimis Haji Ismail menyatakan, Silat Sendeng Asli akan terus berkembang dari masa ke semasa. "Hanya mereka yang kenal maknikam sahaja yang mempelajari Silat Sendeng Asli ini." kata Haji Ismail.

Bila ditanya bagaimana menghubungi Tuan Haji bagi mereka yang ingin penerangan selanjutnya, dengan senyum Haji Ismail menyatakan: "Kalau Che Mat dan Che Soh iaitu dua beradik yang berusaha mengembangkan silat ini, tak mustahil sesiapa yang berminat berusaha pula mencari, kerana bendanya dah sedia ada."